

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari – Mac 2003

**ZCT 106/3 - Elektronik I**


Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda mulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Hitungkan arus yang mengalir melalui rintangan  $10\ \Omega$  (Rajah 1a) dengan menggunakan Theorem Thevenin atau cara lain.

(25/100)




Rajah 1a

...2/-

- (b) Hitungkan arus  $I$  yang mengalir melalui rintangan  $R = 160 \text{ ohm}$  dan voltan output  $V_o$  dalam litar diod di bawah (Rajah 1b).


(Gunakan voltan ambang  $V_a = 0.6 \text{ V}$  dan rintangan pukal  $r_B = 30 \text{ ohm}$  untuk setiap diod).

(25/100)

Rajah 1b


- (c) Rajah 1c menunjukkan suatu litar RC yang dikenakan suatu voltan sinusoidal  $v_i = V_p \sin \omega t$ . Berasaskan ungkapan impedans sistem, dapatkan satu ungkapan untuk amplitud voltan  $V_R$  pada rintangan  $R$ . Dengan nilai  $C = 20 \mu\text{F}$  dan  $R = 5000 \Omega$ , hitungkan nisbah  $V_R/V_p$  bagi frekuensi sudut  $\omega = 10, 10^2, 10^3$  dan  $10^4 \text{ s}^{-1}$  masing-masing. Apakah fungsi litar RC ini?

(50/100)

Rajah 1c


2. (a) Suatu litar yang mengandungi dua transistor ditunjukkan dalam Rajah 2a.
- Apakah nama bagi gabungan dua transistor itu? Huraikan secara ringkas sifat-sifat utama gabungan tersebut.
  - Tentukan arus  $I_B$ ,  $I_C$  dan  $I_E$ .  
(Diberi nilai  $\beta_1 = \beta_2 = 100$  dan  $V_{BE} = 1.2\text{ V}$ )

(50/100)

Rajah 2a

- (b) Rajah 2b menunjukkan suatu litar amplifier.
- Apakah jenis transistor yang digunakan itu dan apakah tatarajah (sambungan) amplifier itu?
  - Hitungkan nilai untuk arus salir  $I_D$  dan transkonduktans  $g_m$  pada nilai  $V_{GS} = -1\text{V}$ .  
(Diberi nilai voltan jepitan  $V_P = -5\text{V}$  dan arus get-terpintas  $I_{DSS} = 10\text{ mA}$ )
  - Lakarkan ciri perpindahan bagi transistor tersebut.  
(iaitu graf  $I_D$  lawan  $V_{GS}$ ).
  - Sekiranya rintangan salir  $r_d = 20\text{ k}\Omega$ , tentukan nilai untuk gandaan voltan amplifier.

(50/100)



Rajah 2b

3. Suatu amplifier asas dengan transistor npn dipasangkan pada tatarajah pemancar sepunya (CE). Komponen-komponen lain yang digunakan adalah berikut:

Kapasitor-kapasitor sekatan  $C = 10 \mu\text{F}$

Voltan  $V_{BB} = 12\text{V}$  dan  $V_{CC} = 18\text{V}$

$R_B = 40,000 \text{ ohm}$ ,  $R_C = 600 \text{ ohm}$ ,  $R_L = 1,800 \text{ ohm}$

Rintangan isyarat  $R_S$  diabaikan.

- Lakarkan gambarajah litar amplifier tersebut.
- Sekiranya arus  $I_C = 25.0 \text{ mA}$  apabila  $I_B = 0.5 \text{ mA}$ , kirakan nilai untuk  $\beta$  (faktor amplifikasi) dan  $\alpha$  (faktor gandaan arus).
- Tentukan titik operasi Q (iaitu nilai  $I_{CQ}$  dan  $V_{CEQ}$ ).
- Lakarkan garis beban DC bersama dengan lengkungan ciri output berkenaan.
- Lakarkan litar hibrid yang hampir untuk amplifier CE tersebut. Tentukan gandaan voltan  $A_v$  jika nilai  $h_{ie} = 500 \text{ ohm}$ .

(100/100)

...5/-

4. (a) Perihalkan suatu amplifier beroperasi (op-amp) dan ciri-ciri utama yang dikehendaki bagi suatu op-amp yang unggul.

(20/100)

- (b) Tunjukkan bahawa gandaan op-amp menyongsang dinyatakan dengan


$$A_v = -R_F/R$$

di mana  $R_F$  = rintangan suapbalik  
 $R$  = rintangan isyarat input

- (c) Rajah 4 di bawah menunjukkan suatu litar komputer analog yang terdiri daripada berbagai op-amp.

- (i) Nyatakan fungsi setiap op-amp ( $A_1, A_2, A_3$  dan  $A_4$ ).
- (ii) Sebutkan apakah output di P, Q, R dan S masing-masing.
- (iii) Tentukan persamaan pembezaan berkenaan yang dapat diselesaikan.

(60/100)

Rajah 4

5. Jawab mana-mana TIGA bahagian:

- (a) Perihalkan suatu diod Zener serta ciri arus-voltannya.
- (b) Lukiskan litar suatu rektifier gelombang penuh (yang terdiri daripada dua diod) atau suatu rektifier jambatan (yang terdiri daripada empat diod). Jelaskan perubahan bentuk voltan output jika suatu penuras kapasitor disambungkan.
- (c) Jelaskan bagaimana amplifier kuasa dikelaskan sebagai kelas A, kelas B dan kelas C.
- (d) Tuliskan suatu nota pendek tentang kestabilan amplifier. Dalam nota, nyatakan kesan-kesan utama yang menghasilkan ketakstabilan dan juga langkah-langkah untuk mengurangkan ketakstabilan.
- (e) Berpandukan gambarajah-gambarajah berkenaan, huraikan secara ringkas ciri input dan ciri output suatu transistor npn yang disambungkan dengan tatarajah tapak-sepunya (CB). Nyatakan perbezaan sifat di antara transistor dengan tatarajah tapak sepunya dan tatarajah pemancar sepunya (CE).

(100/100)

- ooo O ooo -